

**UCAPAN PERASMIAN  
YANG BERUSAHA TUAN HAJI BRAHIM LUMPU  
RESIDEN BAHAGIAN SAMARAHAN  
DI  
MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA  
PERINGKAT NEGERI SARAWAK TAHUN 2020**

**31 OKTOBER 2020 (SABTU)  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TUN ABDUL RAZAK, KOTA  
SAMARAHAN**

---

**(Salutasi)**

**Selamat Pagi Dan Salam Sejahtera,**

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana pada hari ini dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita berkumpul di Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020. Syabas dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa pelaksana yang bertekad dalam menjayakan penganjuran program pada hari ini.
  
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak yang telah menjemput saya untuk merasmikan majlis pada hari ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR), dan Syarikat Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. selaku penganjur bersama dan semua pihak yang terlibat bagi menjayakan majlis perasmian ini.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian**

### **Hari Alam Sekitar Negara**

3. Hari Alam Sekitar Negara merupakan acara tahunan yang telah disambut semenjak tahun 1989 dan disambut pada setiap 21 hari bulan Oktober. Pada tahun ini, Hari Alam Sekitar Negara 2020 Peringkat Kebangsaan telah dirasmikan pada 24 Oktober 2020 (Sabtu) di Kubang Kerian, Kelantan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air dengan norma-norma baru berikutan wabak pandemic Covid-19 yang sedang melanda pada masa ini.
  
4. Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini masih mengekalkan tema "Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama". Tema ini adalah untuk menyampaikan mesej kepada setiap daripada kita untuk menyemai semangat sayangi alam sekitar, meningkatkan komitmen setiap lapisan masyarakat di dalam pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar melalui empat (4) program utama iaitu:
  - a. Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (e-waste);
  - b. Kempen Hindari Plastik Sekali Guna;
  - c. Penghijauan Bumi & Penanaman Pokok; dan
  - d. Sertai Sahabat Sungai melalui Program Denai Sungai Kebangsaan.

5. Adalah menjadi hasrat kita setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah bagi mendidik dan menyemai sikap kebertanggungjawaban masyarakat dalam mengharungi cabaran pengurusan alam sekitar yang semakin kompleks.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian**

### **Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik**

6. Salah satu aktiviti yang diberi penekanan sempena Sambutan Hari Alam Sekitar tahun ini adalah aktiviti pengumpulan buangan elektrikal dan elektronik. Buangan elektrikal dan elektronik adalah buangan terpakai dan tamat tempoh yang dikenali sebagai *e-waste*. Buangan *e-waste* yang tidak dikendalikan dengan baik boleh menyebabkan pencemaran yang serius kerana *e-waste* mengandungi beberapa bahan pencemar/ logam berat seperti plumbum, kadmium, berrillium dan 'brominated flame retardants' yang jika tidak dikendalikan dengan betul boleh meresap ke dalam tanah dan mencemarkan sumber air.
7. Selaras dengan pelaksanaan program pengumpulan buangan elektrikal dan elektronik (*e-waste*) di bawah inisiatif Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dengan sasaran pengumpulan buangan *e-waste* di seluruh negara sebanyak 200MT bagi tahun 2020, kempen tersebut telah diadakan di seluruh negara bermula 23 September hingga 21 Oktober 2020 dengan penetapan *e-waste* sebanyak 63,000kg seluruh negara, dan 5MT bagi setiap negeri. Kempen pengumpulan *e-waste* tersebut telah berjaya mengumpul

sejumlah 130,000kg (130 metrik tan) e-waste dari seluruh negara dan dijangka jumlah ini akan terus meningkat.

8. Bagi Negeri Sarawak, JAS telah melaksanakan program pengumpulan *e-waste* pada 3 Oktober 2020 di Metrocity Matang. Program ini telah berjaya mengumpul sebanyak 35.4MT *e-waste*. Pada hari ini program diteruskan di IPGKTAR bersempena Hari Alam Sekitar Negara dan di Bintulu pada 7 – 8 November 2020. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak. Program pengumpulan *e-waste* ini telah mendapat perhatian pihak Kerajaan Negeri Sarawak dan ianya akan dikembangkan ke seluruh Sarawak pada tahun hadapan dengan kerjasama Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) dan Kerajaan Negeri Sarawak.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian**

#### **Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 - 2030**

9. Pada tahun 2018, Kerajaan telah melancarkan Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 - 2030. Pelan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-132 dan telah diterima baik oleh semua ahli mesyuarat. Jabatan Alam Sekitar amat komited dalam pelaksanaan *roadmap* ini dan sekali lagi ingin mengajak semua pihak terutamanya di Sarawak, untuk menjadi contoh kepada negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

10. Usaha ini tidak memerlukan sebarang kos dan hanya perlu dengan perubahan sikap dan gaya hidup. Sepertimana kesan Covid-19 yang mengajar kita hidup dalam norma baharu, insyaallah selepas ini kita dapat lihat norma baharu di Sarawak iaitu mengurangkan penggunaan bahan-bahan *single used plastic* dalam majlis-majlis dan keramaian dan digantikan dengan produk mesra alam atau guna semula.

### **Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian**

#### **Penghijauan Bumi & Penanaman Pokok**

11. Satu lagi usaha yang perlu diperkasakan oleh masyarakat ialah penghijauan bumi bagi menangani penurunan inventori khazanah hutan tropika di Malaysia. Penurunan tersebut menjejaskan kestabilan ekosistem, kawasan tadahan air dan kelestarian sumber air serta stok karbon untuk mengimbangi perubahan iklim. Usaha menanam pokok adalah wajar dipertingkatkan selaras dengan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia untuk merealisasi Program Penghijauan Malaysia menerusi Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dalam tempoh empat tahun. Program disasarkan ini mampu menyumbang 50 peratus kawasan berhutan dan berjaya mengurangkan kenaikan suhu global.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian**

### **Sambutan Hari Sungai Sedunia**

12. Kes-kes penutupan Loji Rawatan Air di Selangor, adalah disebabkan oleh pencemaran air contohnya di Sungai Gong dan Sungai Semenyih telah memberi kesan kepada ratusan ribu rakyat. Oleh itu, sempena Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini, kita juga turut meraikan Sambutan Hari Sungai Sedunia yang jatuh pada 27 September 2020. Ianya diadakan bertujuan memupuk kesedaran masyarakat dan komuniti setempat untuk bersama-sama menjaga kebersihan, keindahan sungai dan kelestarian alam sekitar bagi memastikan sumber air sungai adalah baik dan terjamin. Besarlah harapan saya agar penglibatan komuniti setempat dan pihak berkepentingan dapat ditingkatkan dalam memastikan sungai-sungai di Sarawak terus terpelihara dan bebas daripada sebarang aktiviti pencemaran air. Kenali alam dan bertadabbur akan keagunganNya. “Lihatlah jauh ke dalam alam, dan kamu akan mengerti segalanya dengan lebih baik” (Albert Einstein).

## **Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian**

### **Penghargaan Dan Harapan**

13. Harapan saya agar kita dapat bersama-sama menjaga kesejahteraan dan kelestarian alam sekitar kerana Ianya adalah Anugerah Tuhan yang perlu kita hargai dan bersama memuliharanya. Nikmat yang kita terima pada hari ini adalah amanah serta pinjaman daripada generasi akan datang. Sampai masa, kita harus memulangkan semula

khazanah alam ini kepada mereka dengan keadaan yang sangat baik.

14. Bagi mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana iaitu Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, dan Syarikat Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. yang telah berusaha sebaik mungkin untuk memastikan perjalanan program pada hari ini berjalan lancar. Tidak terkecuali, sekalung penghargaan juga saya ucapkan kepada semua agensi kerajaan persekutuan dan negeri, rakan-rakan strategik, rakan media, dan orang perseorangan dalam menjayakan sambutan Hari Alam Sekitar Negara.
15. Dengan ini saya berbesar hati merasmikan Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah assalamualaikum w.b.t.